

- 1 Ilustrasi berikut berkaitan pemerintah dalam sistem politik tradisional Melayu.



Raja

Bagaimanakah pengaruh seseorang raja terhadap sesebuah wilayah ditentukan ?

- A Kesetiaan rakyat
 - B Persamaan budaya
 - C Kegiatan ekonomi
 - D Kekayaan harta
- 2 Mengapakah jawatan berikut penting pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

Syahbandar


- A Mengawal perbendaharaan
 - B Meluaskan wilayah taklukan
 - C Menguruskan kutipan cukai
 - D Menjadi ketua angkatan tentera
- 3 Maklumat berikut berkaitan revolusi yang tercetus di Eropah.

Revolusi Perancis 1778

Revolusi tersebut telah menyebabkan Perancis

- A menjadi negara republik
- B mendapat kemerdekaan penuh
- C mengamalkan ideologi komunisme
- D mengekalkan pemerintahan beraja

- 4 Akhbar berikut telah diterbitkan pada tahun 1884 untuk menyebarkan idea Pan- Islamisme ke seluruh dunia.



Al-Urwah Al-Wuthqa


Apakah seruan yang dimuatkan dalam akhbar tersebut?

- A Pembaharuan dalam kehidupan
 - B Pemeliharaan budaya tempatan
 - C Penyebaran dakwah agama
 - D Penentangan kuasa barat
- 5 Revolusi Thai telah berlaku pada tahun 1932.
Apakah kesan revolusi tersebut terhadap pentadbiran Thailand?
- A Gabungan wilayah baharu dibentuk
 - B Raja berkuasa mutlak ditamatkan
 - C Birokrasi barat diperkenalkan
 - D Hak bangsawan dikembalikan
- 6 Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah ditubuhkan oleh Ibrahim Hj. Yaakob pada tahun 1937.
Mengapakah British menganggap pertubuhan ini bersifat radikal?
- A Menganjurkan mogok Hartal
 - B Membentuk pakatan dengan Jepun
 - C Mengancam pasukan keselamatan negara
 - D Menyuarakan penentangan kepada kerajaan



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 7 Rajah berikut berkaitan pakatan ketenteraan yang wujud pada Perang Dunia Pertama.



Apakah X?

- A Britain
 - B Belanda
 - C Jerman
 - D Perancis
- 8 Perang Dunia Pertama berakhir secara rasmi pada 11 November 1918.
Apakah kesan perang tersebut terhadap negara Eropah?
- I Perebutan takhta kerajaan
 - II Pemerintahan beraja runtuh
 - III Pembentukan negara baharu
 - IV Penggabungan kawasan sempadan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 9 Maklumat berikut berkaitan tujuan utama Jepun menjajah Tanah Melayu pada tahun 1941.

- Keperluan ekonomi
- Kepentingan strategik ketenteraan

Bagaimanakah Jepun dapat memastikan tujuan tersebut dapat dicapai?

- A Mengembalikan kuasa sultan
- B Melantik pegawai tempatan
- C Mencipta teknologi moden
- D Menggunakan propaganda

- 10 Pentadbiran Tentera British (British Military Administration) telah dilaksanakan di Tanah Melayu bermula 12 September 1945. Mengapakah British melaksanakan pentadbiran tersebut?

- I Mengembalikan kestabilan
- II Memperkukuhkan pertahanan
- III Meneruskan dasar peluasan kuasa
- IV Memulihkan kepercayaan rakyat
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 11 Pengisytiharan Malayan Union pada 1 April 1946 telah menimbulkan reaksi penentangan daripada rakyat Tanah Melayu. Bagaimanakah rakyat menentang Malayan Union ?

- I Menghantar surat bantahan
- II Menganjurkan kongres
- III Melakukan perarakan
- IV Meletakkan jawatan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 12 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di Sarawak pada 1 Julai 1946.

Penyerahan Sarawak kepada British

Mengapakah penyerahan tersebut berlaku?

- A Kekurangan pelabur asing
- B Ketiadaan pewaris takhta
- C Kehilangan sokongan pembesar
- D Kemerosotan kegiatan perdagangan

- 13 Gambar berikut berkaitan upacara menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 oleh Raja-raja Melayu bersama pihak British.



Apakah perkara yang terkandung dalam perjanjian tersebut?

- A British mengawal belanjawan
 - B Majlis Raja-raja ditubuhkan
 - C Gabenor mengetuai pentadbiran
 - D Kewarganegaraan secara Jus Soli
- 14 Jadual berikut berkaitan persidangan yang dihadiri oleh Parti Komunis Malaya (PKM) selepas Perang Dunia Kedua.

Tahun	Peristiwa
Februari 1948	Kongres Belia Asia
Mac 1948	Persidangan Parti Komunis India

Apakah tindakan Parti Komunis Malaya selepas menghadiri persidangan tersebut?

- A Menubuhkan unit sukarelawan
- B Mendaftar sebagai pertubuhan politik
- C Menjalankan kerjasama dengan barat
- D Melancarkan perjuangan bersenjata

- 15 Pasukan berikut ditubuhkan oleh kerajaan bagi menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

Senoi Praaq

Apakah tugas pasukan tersebut?

- A Menjalankan aktiviti propaganda
 - B Mengawal keselamatan kampung
 - C Memindahkan penduduk pinggir hutan
 - D Mengesan tempat persembunyian musuh
- 16 Mengapakah Dato' Onn Jaafar menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1946?
- A Menjayakan konsep Melayu Raya
 - B Membasmi ancaman komunis
 - C Menentang Malayan Union
 - D Memupuk perpaduan kaum
- 17 Maklumat berikut berkaitan sistem persekolahan yang wujud di Tanah Melayu ketika pentadbiran British.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Vernakular Cina • Vernakular Tamil • Sekolah Inggeris |
|---|

Apalah kesan pengenalan sistem tersebut kepada penduduk Tanah Melayu?

- A Menyebabkan jurang sosial
- B Melahirkan golongan intelektual
- C Mewujudkan satu identiti bangsa
- D Membentuk parti politik berasaskan kaum



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 18 Pilihanraya Umum Pertama telah diadakan di Tanah Melayu pada tahun 1955.

Apakah syarat-syarat untuk menjadi calon dalam pilihanraya tersebut?

- I Berpengetahuan Bahasa Inggeris
- II Sumber kewangan mencukupi
- III Tiada sebarang rekod jenayah
- IV Berumur 21 tahun ke atas
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 19 Peristiwa berikut penting dalam sejarah negara kita.

Rundingan kemerdekaan di London pada tahun 1956

Apakah keputusan yang telah dipersetujui dalam peristiwa tersebut?

- A Pembentukan suruhanjaya pilihanraya
- B Perjanjian pertahanan di meterai
- C Pemilihan ketua utama negara
- D Perubahan sempadan negeri

- 20 Antara berikut yang manakah berkaitan tugas Jawatankuasa Sambutan bagi persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara?

- I Membina sebuah stadium
- II Mencipta bendera kebangsaan
- III Menghias bandar dengan lampu
- IV Menganjurkan kursus protokol
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21 Mengapakah kedaulatan penting bagi sesebuah negara?

- I Mewujudkan kesejahteraan rakyat
- II Menunjukkan kekuatan angkatan tentera
- III Menjadi kuasa politik yang unggul di dunia
- IV Mendapat pengiktirafan daripada negara lain
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Maklumat berikut berkaitan ciri-ciri negara berdaulat.

- Mempunyai rakyat
- Mempunyai sempadan

Apakah kepentingan ciri tersebut terhadap negara kita?

- A Melindungi tradisi rakyat
- B Memperkuat pasukan tentera
- C Mempunyai identiti tersendiri
- D Mengukuhkan kuasa mutlak raja

23 Maklumat berikut berkaitan undang-undang di Negeri-negeri Selat.

- Charter of Justice I – 1807
- Charter of Justice II – 1826
- Charter of Justice III – 1855

Apakah kesan daripada pengenalan undang-undang tersebut?

- A Kemasukan imigran
- B Pengenalan mata wang
- C Penubuhan mahkamah
- D Kemunculan bandar baharu

24 Perlembagaan Persekutuan mempunyai ciri tradisional dan ciri moden.


Apakah ciri moden dalam perlembagaan tersebut?

- A Pemerintahan beraja
- B Kewarganegaraan
- C Bahasa Melayu
- D Agama Islam

25 Apakah bidang kuasa Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan?

- A Mengisytiharkan darurat
- B Menguruskan pilihan raya umum
- C Meluluskan belanjawan tahunan negara
- D Memperkenankan perubahan sempadan negeri

26 Rajah berikut berkaitan pengasingan kuasa dalam sistem pemerintahan di Malaysia.



Apakah peranan badan eksekutif dalam sistem tersebut?

- A Mentafsir undang-undang
- B Menggubal undang-undang
- C Meluluskan sistem cukai baharu
- D Melaksanakan dasar-dasar negara



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 27 Jadual berikut berkaitan perkembangan sistem pentadbiran Persekutuan di negara kita.

Tahun	Sistem Pentadbiran
1896	Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
1927	Pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan
1946	Penubuhan Malayan Union

Apakah kepentingan pembentukan sistem tersebut?

- A Menjamin kepentingan British
- B Menjalankan dasar dekolonisasi
- C Melaksanakan pengasingan kuasa
- D Mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu

- 28 Senarai berikut merupakan agensi persekutuan yang ditubuhkan di negara kita.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) • Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) • Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) |
|--|

Mengapakah agensi tersebut ditubuhkan?

- A Memajukan industri desa
- B Memulihkan tanah terbiar
- C Menyediakan perumahan awam
- D Membangunkan wilayah baharu

- 29 Maklumat berikut berkaitan idea dan cadangan pembentukan Malaysia daripada pegawai British pada tahun 1950-an.

Pegawai British	Cadangan
Malcom McDonald	Penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara
Gerald Templer	Penggabungan wilayah disegerakan

Mengapakah cadangan tersebut penting kepada British?

- I Menjayakan dekolonisasi
 - II Mengukuhkan keselamatan
 - III Menyebarakan kebudayaan
 - IV Memajukan potensi ekonomi
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 30 Pada 30 Januari 1963, Dr Subandrio (Menteri Luar Indonesia) mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia.
Mengapakah Indonesia mengambil tindakan tersebut?
- A Menunjukkan kekuatan tentera
 - B Mendapatkan referendum rakyat
 - C Mengancam kedudukan negara
 - D Menerima desakan antarabangsa

31 Cabaran politik di Sarawak menjadi cabaran yang dihadapi oleh Malaysia.

Apakah faktor berlakunya cabaran tersebut?

- I Hak sama rata
- II Konflik perkauman
- III Krisis perlembagaan
- IV Ancaman keselamatan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Apakah langkah kerajaan dalam menangani isu taraf hidup yang berbeza dalam Rancangan Malaysia Pertama?

- A Melancarkan program pembangunan
- B Menggunakan teknologi moden
- C Mengurangkan kadar kelahiran
- D Mengenakan catuan makanan

33 Mengapakah Dasar Pendidikan Kebangsaan dibentuk?

- A Mengekalkan sekolah vernakular
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Menghalang pengaruh barat
- D Mengekalkan identiti bangsa

34 Apakah peristiwa yang mendorong kerajaan untuk membentuk Rukun Negara?

- A Rusuhan kaum
- B Ancaman komunis
- C Pemisahan Singapura
- D Konfrontasi Indonesia



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

35 Dasar penswastaan telah diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1983.

Apakah tujuan dasar tersebut diperkenalkan?

- A Menambah pemilikan saham
- B Melahirkan golongan usahawan
- C Membentuk masyarakat penyayang
- D Meningkatkan kualiti perkhidmatan

36 Maklumat berikut berkaitan perkembangan industri kereta nasional.

- PROTON (1983)
- PERODUA (1993)

Mengapakah kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri tersebut?

- I Membuka peluang pekerjaan
- II Meningkatkan pendapatan rakyat
- III Menyekat kemasukan kereta import
- IV Mengatasi masalah inflasi
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37 Maklumat berikut berkaitan rancangan pembangunan ekonomi dan sosial di bawah Komanwel.

Rancangan Colombo

Mengapakah rancangan tersebut penting kepada negara Komanwel?

- A Menggalakkan kegiatan pelancongan
- B Menyediakan pembiayaan kewangan
- C Menangani masalah kemiskinan
- D Menjaga kelestarian alam

- 38 Pada tahun 1976, Malaysia telah menyertai Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia.
Apakah isu yang dibincangkan dalam persidangan tersebut?
- A Pertindihan sempadan
 - B Pergolakan di Indochina
 - C Pembentukan ASEAN
 - D Penyalahgunaan dadah
- 39 Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain?
- A Kedudukan strategik
 - B Kemasukan pelancong asing
 - C Kelonggaran syarat imigresen
 - D Kerjasama penduduk tempatan
- 40 Gambar berikut berkaitan Anugerah Langkawi.



Apakah tujuan anugerah ini diperkenalkan?

- A Menggalakkan industri perternakan lebah
- B Memodenkan pengurusan perhutanan
- C Memajukan kawasan pelancongan
- D Menjamin kelestarian alam sekitar

KERTAS SOALAN TAMAT